



TARIKH TUTUP
PENYERTAAN
15 Mac 2018 (Khamis)

PERTANDINGAN LIGA BOLA JARING LANGKAWI 2018
PIALA Pengerusi PUSPANITA
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)
BORANG PENDAFTARAN PASUKAN

NAMA PASUKAN

:

Nama Pengurus Pasukan

:

Nama Jurulatih

:

No/Telefon

:

------(R)------(P)

------(H/P)

BIL	NAMA	NO. KAD PENGENALAN	POSISI
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			
9.			
10.			
11.			
12.			

Tandatangan Pengurus Pasukan:

()

(Pengurus Pasukan)

Tarikh :

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:

**URUSETIA
PERTANDINGAN LIGA BOLA JARING LANGKAWI 2018
PIALA Pengerusi PUSPANITA LADA**

**PUSPANITA LADA
KOMPLEKS LADA,
07000 LANGKAWI, KEDAH**

**Tel : 04 – 9600 600(535/787) Fax : 04 – 9600 539
Puan Roshasnita Binti Roski (011 – 2411 9079)
Puan Ku Amilia Binti Ku Makhtar (012 – 4279987)**

**BAYARAN PENYERTAAN BOLEH DIBUAT:
DI KOMPLEKS LADA, 07000 LANGKAWI KEDAH
ATAU
PUSPANITA LADA, KOMPLEKS LADA
07000 LANGKAWI,
KEDAH.**

Website : www.lada.gov.my

PERATURAN AM & UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN
LIGA BOLA JARING LANGKAWI 2018
PIALA Pengerusi PUSPANITA LADA

1.0 NAMA PERTANDINGAN

1.1 Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Liga Bola Jaring Langkawi 2018 Piala Pengerusi PUSPANITA LADA anjuran bersama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan PUSPANITA LADA.

2.0 PERATURAN PERMAINAN

2.1 Selain daripada peraturan ini, pertandingan ini adalah tertakluk kepada PERATURAN AM. Pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang permainan terkini seperti yang ditetapkan oleh Persatuan Bola Jaring Antarabangsa (IFNA).

3.0 TARIKH DAN TEMPAT PERTANDINGAN

3.1 Tarikh : 28 Mac & 29 Mac 2018 (Rabu & Khamis)

3.2 Masa : 8.00 pagi hingga 6.00 petang

3.3 Tempat : Dewan Futsal, Kompleks Sukan Langkawi

4.0 PENYERTAAN DAN PENDAFTARAN

4.1 Pertandingan ini terbuka kepada ahli PUSPANITA di setiap cawangan, Jabatan Kerajaan & Swasta serta NGO.

4.2 Setiap pasukan yang disahkan penyertaannya dengan menyertai pertandingan ini hendaklah menandatangani surat akuan dan ianya juga adalah tertakluk kepada semua peraturan dan keputusan-keputusan Jawatankuasa Pertandingan yang diberi kuasa.

4.3 Setiap pasukan perlu mengemukakan borang yang lengkap termasuk logo pasukan dan setiap pasukan **WAJIB** mengemukakan:-

- i) **Ahli PUSPANITA - Kad Keahlian**
- ii) **Jabatan Kerajaan & Swasta (Bukan Ahli Puspanita) – Kad Pekerja/Slip Gaji**
- iii) **NGO – Surat pengesahan daripada persatuan dan diperakukan oleh Pejabat Belia di kawasan masing-masing.**

- 4.4 Yuran penyertaan bagi setiap pasukan adalah sebanyak RM200.00. Bayaran cek boleh dibuat atas nama Kelab Sukan dan Kebajikan LADA(KSKLPL)
- 4.5 Tarikh tutup penyertaan adalah pada 15 Mac 2018. Sila kemukakan borang penyertaan dan bayaran ini selewat-lewatnya atau pada 15 Mac 2018 di Pejabat LADA atau hubungi **Pn. Roshanita Roski (011-24119079) & Pn. Ku Amilia binti Ku Makhtar (012-4279987)**.

5.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PEMAIN

- 5.1 Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftarkan satu (1) pasukan sahaja yang terdiri tidak lebih daripada 12 orang pemain iaitu tujuh (7) pemain dan lima (5) simpanan. Hanya Pengurus pasukan yang berdaftar boleh disenaraikan sebagai pemain. Seorang pemain hanya boleh didaftarkan untuk satu pasukan sahaja.
- 5.2 Pemain Kebangsaan/negeri yang didaftarkan mestiah anggota yang bertaraf tetap sahaja dibenarkan.
- 5.3 Pasukan yang tidak mematuhi peraturan pendaftaran dan kelayakan pemain, penyertaan pasukan dalam acara ini akan dibatalkan. Semua perlawanan yang telah disertai dianggap tidak sah dan kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawan.
- 5.4 Senarai pemain hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 15 MAC 2018. Pertukaran nama pemain boleh dibuat semasa Mesyuarat Pengurus-Pengurus pasukan (tarikh, masa dan tempat akan dimaklumkan).
- 5.5 Pertukaran pemain atau pendaftaran pemain baru selepas penyerahan senarai nama tidak akan dilayan dan tidak dibenarkan.
- 5.6 Masa Pemberhentian kecederaan yang dibenarkan adalah seperti berikut:
- 5.6.1 Pemberhentian kecederaan daripada mana-mana pasukan diberi sehingga 30 (tiga puluh) saat sahaja. Pemain boleh dirawat di luar gelanggang.
- 5.7 Pemain yang sakit atau cedera boleh membuat pertukaran dengan pemain simpanan yang ada dan boleh bermain semula selepas diganti.
- 5.8 Pertukaran pemain boleh dibuat selepas waktu rehat separuh masa.

6.0 PAKAIAN PERTANDINGAN DAN PERALATAN

- 6.1 Setiap pasukan hendaklah memakai baju seragam iaitu corak, bentuk dan warna yang sama.
- 6.2 Pakaian pasukan semasa perlawanan hendaklah memakai baju – T atau jersi dan 'track-bottom'. Skirt, seluar pendek atau 'legging' tidak dibenarkan.
- 6.3 Setiap pasukan dikehendaki membawa satu (1) set bib. Sekiranya kedua-dua memakai bib yang sama warna, maka keputusan pertukaran bib akan dilakukan secara lambungan duit.
- 6.4 Bola pertandingan akan disediakan oleh pihak penganjur.

7.0 PERLAWANAN

- 7.1 Pertandingan akan dijalankan secara LIGA berkumpulan. Kumpulan yang menjadi Johan dan Naib Johan layak kepusingan seterusnya.
- 7.2 Semua perlawanan akan dimulakan mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- 7.3 Setiap pasukan yang gagal menyediakan pemain semasa pengadil memutuskan supaya perlawanan dimulakan akan dikira telah memberikan kemenangan percuma kepada pihak lawan dengan jaringan gol tiga kosong (3-0).
- 7.4 Mana-mana pasukan yang mengambil tindakan menarik diri (walkover) dengan sendirinya digantung dalam perlawanan-perlawanan berikutnya. Kemenangan percuma akan diberi kepada pihak lawan.
- 7.5 Setiap pasukan dikehendaki berada ditempat permainan **lima belas minit (15)** lebih awal dari masa yang dijadualkan. Penangguhan hanya akan diberi **masa lima (5)** minit sahaja dan selepas penangguhan tersebut maka pengadil berkuasa memberikan kemenangan percuma kepada pasukan yang hadir mengikut jadual dengan kemenangan **tiga (3) mata** dengan kiraan **jaringan 15-0**.
- 7.6 Sekiranya berlaku seri pada jumlah mata diakhir perlawanan secara LIGA, maka keputusan perlawanan antara kedua-dua pasukan menentukan pemenang, walau bagaimana pun:

- i) Jika kedua-dua pasukan seri, atau jika lebih daripada dua pasukan mempunyai jumlah mata yang sama di akhir perlawanan, purata gol akan menentukan kedudukan (iaitu jumlah jaringan gol dibahagi dengan jumlah gol yang kena).
- ii) Jika purata gol masih seri, maka perbezaan gol akan digunapakai (iaitu : jumlah jaringan gol ditolak dengan yang kena).
- iii) Jika kedudukan masih seri, maka pasukan yang menjaring gol terbanyak akan diistiharkan sebagai pemenang.

7.7 Sekiranya berlaku seri semasa perlawanan di peringkat suku akhir, separuh dan akhir

- i) Pasukan hendaklah diberi masa rehat dua (2) minit diakhir masa sepenuh perlawanan.
- ii) Masa tambahan selama dua (2) x tujuh (7) minit setiap perlawanan akan dimainkan.
- iii) Pasukan bertukar kawasan gol dan perlawanan dimulakan semula oleh pasukan yang berhak kepada hantaran tengah berikutnya.
- iv) Pasukan bertukar kawasan gol disepuluh masa tanpa rehat.
- v) Hantaran tengah diambil oleh pasukan yang berhak kepada hantaran tengah berikutnya.
- vi) Sekiranya berlaku seri diakhir masa tambahan permainan akan diteruskan sehingga satu pasukan mendapat dua (2) kelebihan gol.

8.0 SISTEM PERTANDINGAN

8.1 Masa permainan pada Pusingan Awal dan Separuh Akhir adalah 10:3:10.

8.2 Masa Permainan pada Pusingan Akhir adalah 15:3:15.

8.3 Pemain gantian boleh dibenarkan membuat pertukaran semasa hentian atau masa kecederaan.

8.4 Semasa kecederaan pemain tidak dibenarkan keluar dari gelanggang.

9.0 CARA MENENTUKAN KEPUTUSAN

9.1 Sistem Liga

Pemberian mata dalam sistem liga adalah seperti berikut :

Menang	:	3 mata
Seri	:	1 mata
Kalah	:	0 mata

9.1.1 Pasukan yang mengumpul mata terbanyak akan menjadi johan kumpulan.

9.1.2 Jika lebih daripada satu pasukan memperolehi mata yang sama, pasukan yang memperolehi jaringan terbanyak berkedudukan di atas. Jika kiraan gol masih sama, maka pasukan yang menjaringkan perbezaan gol lebih akan berkedudukan di atas.

10.0 PENGADIL

10.1 Pihak penganjur dengan Persatuan Bola Jaring Negeri Kedah (PBJNK) akan menyediakan pengadil yang bertauliah di sepanjang perlawanan.

10.2 Keputusan pengadil adalah muktamad bagi perlawanan yang berlangsung.

11.0 BANTAHAN

11.1 Sebarang bantahan mestilah dikemukakan oleh Pengurus Pasukan secara bertulis 30 minit selepas pertandingan tamat dan disertakan wang pertaruan berjumlah **RM500.00** secara tunai dan akan dikembalikan jika bantahan itu berjaya.

11.2 Wang pertaruan tersebut akan hangus sekiranya bantahan yang dikemukakan ditolak.

12.0 HADIAH

Johan : Piala Pusingan, Piala Iringan, Medal dan Wang Tunai RM2,000.00

N/Johan : Piala Iringan, Medal dan Wang Tunai RM1,500.00

Ketiga : Medal & Wang Tunai RM1,000.00

Keempat : Medal & Wang Tunai RM1,000.00

13.0 JAWATANKUASA PERTANDINGAN DAN TEKNIKAL

- 13.1 Jawatankuasa Pertandingan dan Teknikal adalah bertanggungjawab dalam membuat keputusan berhubung aspek teknikal pertandingan bagi setiap acara dalam pertandingan ini.
- 13.2 Jawatankuasa Pertandingan dan Teknikal adalah berhak untuk meminda/menambah peraturan yang difikirkan perlu.
- 13.3 Sekiranya terdapat mana-mana peraturan yang tidak dinyatakan dengan jelas dalam peraturan permainan bagi acara yang berkenaan. Maka adalah menjadi kuasa mutlak kepada Jawatankuasa Pertandingan dan Teknikal untuk membuat keputusan.
- 13.4 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pertandingan dan Teknikal adalah MUKTAMAD.

